

PM puas hati tiada projek terbengkalai di Langkawi

LANGKAWI 9 Feb. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpuas hati dengan perkembangan projek-projek pembangunan di Langkawi kerana tidak ada projek yang terbengkalai dan semuanya berjalan mengikut jadual.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Razak berkata, Perdana Menteri yang telah melawat beberapa projek pembangunan di pulau perangan ini sempena lawatan kerjanya di sini berpuas hati setelah mendapati projek-projek berkenaan berjalan lancar.

“Perdana Menteri puas hati kerana semua projek berjalan mengikut jadual dan tidak ada yang terbengkalai dan ini mungkin kerana Perdana Menteri selalu turun untuk melihat projek-projek itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi Perdana Menteri yang berlepas pulang ke ibu negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini, hari ini.

Perdana Menteri semalam telah meninjau kemajuan projek Harbour Park Langkawi yang bernilai RM40 juta di Pantai Kok yang berkonsepkan mediteranean yang mengandungi di antaranya sebuah marina untuk 100 kapal layar berlabuh pada satu-satu masa.

Dr. Mahathir juga melawat stesen perkhidmatan kereta kabel yang merupakan jaringan kereta kabel jenis gondola enam tempat duduk yang terpanjang di dunia membabitkan jarak keseluruhan sepanjang 2.2 kilometer dan menghubungkan Oriental Village dengan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Beliau juga mengunjungi Galeria Perdana di Jalan Kilim (yang menempatkan lebih 8,000 koleksi cenderahati yang pernah diterimanya) bagi meninjau pembinaan dua blok bangunan baru bernilai RM24 juta yang kini dalam pembinaan.

Beliau kemudiannya melawat Jeti Sungai Kilim untuk melihat sendiri projek pembangunan hutan paya bakau sebelum singgah di pantai Tanjung Rhu.

Perdana Menteri juga mengunjungi Pusat Penyelenggaraan Kapal Layar dan Kapal Mewah WaveMaster di Tanjung Lembung.

Syed Razak berkata, Perdana Menteri adalah seorang pemimpin yang sentiasa menekankan supaya sesuatu projek yang dibuat mestilah disiapkan dan tidak dibiarkan separuh jalan.